



Dana bantu pesakit Aids

Jumlah permulaan sebanyak RM60,000 untuk pesakit dengan perubatan alternatif >>> *Berita lanjut di N2*

[KUANTAN]

Dana RM60,000 bantu rawatan pesakit Aids



“
 Kita percaya bahawa makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan.”

■ Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail

Makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan

■ AGIMANY OMAR

PENGERUSI Jawatankuasa Bina, Sukma Dan Perpaduan, Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail semalam merencanakan satu dana baru dimajukan bagi membantu pesakit HIV/AIDS dadah dengan rawatan alternatif.

Beliau merangka sebanyak RM60,000 dapat disediakan oleh kerajaan negeri bagi membantu seramai 10 pesakit dan dijangka lebih ramai akan mendapat bantuan berkenaan pada masa depan.

Katanya, talian ini kerajaan negeri sudah membelanjakan sebanyak RM110,000 untuk bekas penagih dadah mendapatkan rawatan di pusat rawatan termasuk RM75,000 bagi mengadakan kegiatan sosial mereka.

“Kita percaya bahawa makanan tambahan atau suplemen boleh membantu pesakit HIV/AIDS untuk hidup lebih sihat dan gembira selain menjalani rawatan mengikut prosedur yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang media selepas merasmikan

Majlis Kenyukuran Sempena Hari HIV/AIDS Sedunia di Hotel Vistana, dekat sini, semalam.

Dr Shukri berkata, amalan pemakanan tambahan ini juga meningkatkan kemampuan pesakit dalam menjalankan kegiatan harian termasuk lebih aktif melakukan kerja seperti mereka yang normal.

Beliau turut menggesa badan bukan kerajaan menyalurkan sumber kewangan mereka supaya bersama membantu kerajaan negeri mengurangkan beban pesakit berkenaan sekali gus membuktikan sokongan mereka untuk tujuan tersebut.

Beliau kessal dengan masih ada agensi yang sepatutnya tampil membantu bekas penagih dadah namun tidak berbuat demikian dan hanya mementingkan aktiviti dalam ‘kelompok’ mereka.

“Kita tidak mahu ada agensi atau NGO yang ‘yok



Dr Shukri menyampaikan sumbangan produk keluaran AK Group Companies kepada seorang pesakit HIV/AIDS, semalam.

sendiri’ dalam ‘kelompok’ mereka sesuai dengan hasrat kerajaan yang mahu menjadikan negara ini sebagai negara bebas dadah pada tahun 2015,” katanya.

Dr Shukri menegaskan bahawa pesakit HIV/AIDS memerlukan sokongan daripada masyarakat untuk menjalani kehidupan normal selain keluarga dan me-

reka tidak boleh dipandang serong kerana kesalahan pada masa lalu.

Melalui majlis berkenaan beliau turut menyampaikan produk Mas Ayu kepada 10 pesakit HIV/AIDS.

Mas Ayu adalah produk keluaran AK Group Companies yang merupakan makanan tambahan daripada bahan asli, rempah ratus, kekacang dan bijirin

khusus untuk membantu pesakit berkenaan mengurangkan masalah mereka selain kekal sihat dan menjalani rutin harian dengan sempurna.

Seorang pesakit, *Hasnaini Ibrahim, 30*, yang menerima bantuan pemakanan tersebut dapat menjalani hidup lebih aktif selain melakukan banyak tugas pada satu masa.

Belanja rawatan
 HIV/AIDS

RM60,000

dana dicadangkan untuk bantu 10 pesakit Aids

RM110,000

dibelanjakan untuk rawatan bekas penagih dadah

RM75,000

bagi mengadakan kegiatan sosial bekas penagih dadah